

Isu NFC: Wang rakyat RM250j perlu diselamatkan

PADANG RENGAS: Pelbagai usaha perlu dilakukan termasuk melihat dari sudut perundangan untuk mendapatkan semula wang rakyat RM250 juta yang dilaburkan dalam Projek Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) dan bukannya memfokuskan gesaan peletakan jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata pelbagai kaedah perlu dikenal pasti termasuk kaedah perundangan supaya

wang berkenaan dapat dikembalikan semula kepada pembayar cukai (rakyat) dan kerajaan boleh menarik balik pinjaman berkenaan kerana NFC didapati melanggar syarat pinjaman.

“NFC melanggar syarat pinjaman dengan menggunakan wang itu bagi tujuan pembelian lain, termasuk kondominium bernilai jutaan ringgit dan bukannya memberi tumpuan kepada industri lembu.

“Langkah lain yang boleh digunakan ialah ‘tender semula’ projek berkenaan kepada entiti (syarikat) yang layak kerana industri itu

adalah satu industri penting kepada negara.

“Bagaimanapun, mereka yang bertanggungjawab dalam skandal NFC ini perlu dikenakan tindakan sewajarnya. Saya pasti, jika semua langkah sepatutnya diambil, orang ramai akan berpuas hati,” katanya pada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Larian Mesra anjuran Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Padang Rengas, di sini, semalam.

Kontroversi NFC iaitu projek ‘Lembah Daging’ di Gemas, Negeri

Sembilan yang diwujudkan bagi meningkatkan pengeluaran daging tempatan dan mengurangkan pertanggungan negara terhadap daging import bermula selepas Laporan Ketua Audit Negara 2010 pada Oktober lalu menyatakan NFC gagal memenuhi matlamat penubuhannya.

Projek itu yang dipengerusikan suami Shahrizat, Datuk Dr Mohammad Salleh Ismail sebagai Pengurus Eksekutif NFC dikatakan mengalami masalah apabila sebahagian daripada dana yang diperuntukkan untuk projek itu dibelanjakan untuk perbelanjaan yang tidak relevan.